



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN PUSPANITA
KEPADA KAKITANGAN YANG MEMERLUKAN**

**PADA 11 JUN 2017 BERSAMAAN
26 RAMADHAN 1439 HIJRAH
AUDITORIUM MPSP, BANDAR PERDA**

Terima kasih diucapkan kepada Tuan Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

YBhg. Datin Hj. Che Limah bt Haji Ujang
Pengerusi PUSPANITA MPSP

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani bt. Haji Mahmud
Setiausaha Perbandaran MPSP
Merangkap Timbalan Pengerusi PUSPANITA MPSP

Yang Dihormati Ketua-Ketua Jabatan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Barisan Ahli Jawatankuasa Induk PUSPANITA MPSP

Seterusnya yang diraikan barisan penerima sumbangan yang hadir pada pagi yang mulia ini.

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

Segala puji bagi Allah s.w.t. Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad s.a.w. Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Allah kerana dengan limpah, izin dan kurnia-Nya kita diberi peluang meneruskan tugas sebagai hamba Allah s.w.t. untuk melaksanakan amalan

kebajikan di muka bumi ini. Semoga segala apa yang dilaksanakan di bulan Ramadhan al-Mubarak ini akan mendapat keberkatan dan keredhaan-Nya. Seterusnya kita mengharapkan perhimpunan kita pada pagi 26 Ramadhan 1439H dalam majlis penyampaian sumbangan ini mendapat kerahmatan daripada Allah s.w.t. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan yang sudi melapangkan masa hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis penyampaian ini. Terima kasih diucapkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

Seperti yang kita sedia maklum, bulan Ramadhan adalah bulan yang penuh dengan keberkatan. Dalam bulan ini amalan kita diberi ganjaran berlipat kali ganda oleh Yang Maha Pencipta, apatah lagi dalam kita mengharungi sepuluh malam yang terakhir seperti sekarang, sebagaimana yang dinantikan

kedatangan malam lailatul qadar yang lebih baik dari seribu bulan.

PUSPANITA MPSP juga terus mengorak langkah dalam penganjuran pelbagai aktiviti dan program walaupun dalam satu masa terpaksa melakukan dua tugas iaitu kerja hakiki dan persatuan demi memberi impak positif kepada ahli-ahli secara khasnya malah kepada kakitangan MPSP secara amnya. Seajar dengan itu PUSPANITA MPSP berusaha keras bagi menjayakan penganjuran Majlis Penyampaian Sumbangan Sempena Ihya Ramadhan bagi tahun 2018 bersamaan 1439 Hijrah.

Dalam menjayakan majlis ini, saya difahamkan barisan Induk PUSPANITA MPSP telah bertungkus lumus mengumpul dana menerusi program Kutipan Tabung Sinar Kasih PUSPANITA MPSP yang telah dilancarkan kutipan bermula 1 Mei hingga 31 Mei 2018. Kutipan tabung ini adalah salah satu program kebajikan yang diadakan oleh PUSPANITA pada setiap tahun. Manakala bagi kutipan Tabung Sinar Kasih bagi

| *Majlis Penyampaian Sumbangan PUSPANITA Kepada Kakitangan Yang Memerlukan 1439H*

tahun 2018 telah berjaya mengumpul kutipan tertinggi daripada tahun sebelumnya iaitu keseluruhan berjumlah RM 6382.00. Terima kasih diucapkan kepada badan-badan korporat, syarikat-syarikat swasta dan orang perseorangan serta semua kakitangan yang sudi menghulurkan sumbangan menerusi kutipan tabung.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Kakitangan-kakitangan ini merupakan asset yang penting yang sentiasa diberi perhatian oleh pihak pengurusan. Tanpa penglibatan dan sokongan mereka, MPSP tidak dapat menempa nama dan terus gemilang menjadi PBT cemerlang. MPSP telah menyediakan kemudahan-kemudahan untuk kebajikan semua kakitangan. Antaranya kemudahan klinik panel dan pergigian yang mana nilainya telah bertambah daripada RM500 setahun ke RM600.00 setahun, bayaran *ex-gratia* bencana kerja bagi pekerja tetap yang ditimpa kemalangan dan hilang upaya langsung yang kekal atau

kematian semasa menjalankan tugas rasmi, SOCSO bagi pekerja kontrak dan kemudahan rawatan perubatan di hospital-hospital kerajaan. MPSP telah memperuntukan sebanyak RM1.44 juta untuk kemudahan perubatan dan RM1.28 juta untuk kemudahan klinik panel dan pergigian.

Selain itu, bagi kakitangan wanita, MPSP juga telah menyediakan bilik laktasi, kemudahan 12 Tempat Letak Kereta (TLK) bagi Ibu mengandung dan 30 Tempat Letak Kereta kepada ibu yang membawa anak untuk dihantar ke TADIKA di dalam Menara MPSP. Di samping itu, untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) pula, MPSP menyediakan tiga (3) petak Tempat Letak Kereta terbuka dan dua (2) Tempat Letak Kereta di "basement" MPSP.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pekerja-pekerja am yang terlibat secara langsung dalam pembinaan

| *Majlis Penyampaian Sumbangan PUSPANITA Kepada Kakitangan Yang Memerlukan 1439H*

Upcycle Park di Bandar Perda yang merupakan yang pertama di Malaysia. *Wira Orange* MPSP telah menempah nama dan akan terus menempah nama di bibir masyarakat. Kita berazam untuk menjadikan Seberang Perai “zero waste” pada satu masa yang akan datang. Kita bukan mahu dipuji tetapi kita mahu keberkatan dalam kehidupan.

Diharapkan semua kakitangan sentiasa memberikan komitmen yang tinggi dalam pelaksanaan setiap kerja yang diarahkan. Pihak pengurusan Atasan akan mengambil tindakan tegas bagi kakitangan yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan. Bagi mana-mana kakitangan kontrak yang tidak datang hari dan bertugas/ ponteng kerja melebihi 7 hari tanpa memberikan sebarang alasan yang kukuh dan munasabah akan ditamatkan kontrak perkhidmatan. Begitu juga dengan kehadiran lewat lewat ke tempat kerja sebanyak 13 kali atau lebih akan ditamatkan perkhidmatan bagi kakitangan kontrak. Saya menyeru kepada semua kakitangan untuk bekerja dengan penuh berintegriti walau dalam apa jua keadaan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Hari ini kita berkumpul dalam Majlis Penyampaian Sumbangan PUSPANITA MPSP 2018 yang mana seramai 65 orang kakitangan akan menerima sumbangan berbentuk beras dan wang tunai. Sumbangan ini adalah diharapkan sedikit sebanyak dapat memberi kegembiraan kepada tuan-tuan dalam menjalani ibadah puasa dan seterusnya keceriaan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang beberapa hari saja lagi. Usaha murni ini adalah sebagai satu lambang kesepakatan yang wujud dalam PUSPANITA MPSP kepada kakitangan yang memerlukan dan diharapkan ianya akan dapat dilaksanakan pada tahun-tahun yang akan datang.


Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Sebagai mengakhiri ucapan saya kali ini, sekali lagi terima kasih diucapkan kepada YBhg. Datin Hajah Che Limah bt Haji Ujang merupakan Pengerusi PUSPANITA MPSP dan barisan

| *Majlis Penyampaian Sumbangan PUSPANITA Kepada Kakitangan Yang Memerlukan 1439H*

AJK Induk PUSPANITA MPSP yang bertungkus-lumus dalam menjayakan program ini. Moga segala khidmat bakti itu semua akan mendapat kerahmatan dan redha Allah s.w.t.. Harapan saya, moga kerjasama erat ini akan dapat dipanjangkan lagi dalam program-program yang akan datang.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat meneruskan ibadah puasa yang mana hari ini adalah 26 Ramadhan, moga kita bersama-sama mempertingkatkan amalan dan juga selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang nanti. Berhati-hati memandu untuk pulang berhari raya di kampung halaman masing-masing. Sila patuhi undang-undang keselamatan jalan raya yang telah ditetapkan.

Akhir kata, dengan lafaz,  saya merasmikan Majlis Penyampaian Sumbangan

PUSPANITA MPSP kepada Kakitangan Yang Memerlukan
bagi tahun 2018 bersamaan 1439 Hijrah.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.***